

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

21. Apakah rancangan dan program-program Kerajaan Negeri untuk membantu dan melindungi usahawan-usahawan kecil, khususnya peniaga-peniaga kecil di kawasan perkampungan, selepas berlakunya pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Antara rancangan dan program Kerajaan Negeri untuk membantu dan melindungi usahawan-usahawan kecil, khususnya peniaga-peniaga kecil di kawasan perkampungan, selepas berlakunya pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan adalah seperti berikut:

- (a) Bayaran *one off* sebanyak RM500 kepada peniaga kecil dan penjaja;
- (b) Penangguhan bayaran Skim Pinjaman Harapan (SPH) selama tiga (3) bulan mulai Mac hingga Mei 2020;
- (c) Pinjaman tanpa faedah kepada usahawan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
- (d) Pengecualian bayaran premis perniagaan kerajaan termasuk dibawah pejabat daerah selama satu (1) bulan;
- (e) Menganjurkan Program Jelajah Usahawan melibatkan agensi berkaitan ke setiap daerah bagi mengenalpasti

usahawan yang terjejas untuk disalurkan sumbangan dan bantuan khidmat nasihat; dan

- (f) Memperkenalkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan dengan peruntukan dana sejumlah RM 30 juta kepada usahawan mikro dan IKS.

Manakala agensi persekutuan seperti FAMA, melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) Meningkatkan pemasaran secara *online* dan membuat *delivery* kepada pembeli;
- (b) Memperhebatkan promosi saluran- saluran pemasaran yang FAMA gunakan di dalam media sosial atau media elektronik terkini;
- (c) Penyewaan infrastruktur, tapak pasar tani FAMA diberi pelepasan selama 3 bulan; dan
- (d) Menjadualkan semula pembayaran pinjaman bagi penghutang FAMA, motorsikal roda tiga dan MyAgrosis.